

KEPERLUAN OPERASI

KEPERLUAN OPERASI PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR BANGUNAN DAN LANDSKAP UiTM

1.0 PENDAHULUAN

- Kontraktor hendaklah melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan kawasan luar bangunan dan penyelenggaraan landskap seperti mana yang dinyatakan di dalam keperluan operasi UiTM di bawah dan spesifikasi bagi tender ini dalam jangkamasa yang ditetapkan oleh UiTM.
- Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat perancangan kerja seperti menyediakan jadual kerja, perancangan guna tenaga dan peralatan berdasarkan spesifikasi dan keperluan yang ditetapkan oleh UiTM.
- Kontraktor hendaklah membekalkan peralatan atau kelengkapan serta pekerja dalam kuantiti yang mencukupi untuk melaksanakan operasi perkhidmatan ini termasuk melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan operasi mengikut kontrak ini dalam tempoh masa kontrak.
- Kontraktor perlu bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku kehilangan, kerosakan, kerugian akibat kecuaiannya kontraktor ke atas harta benda UiTM dan warga kampus.
- Penyelenggaraan kawasan bagi kerja ini adalah meliputi kawasan sediaada dan kawasan baru/tambahan
- Kontraktor hendaklah menghargakan tender berdasarkan ítem yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tawaran dan mengisi harga di ruang Jadual Kadar Harga tender berdasarkan kadar pasaran semasa dan juga mengambil kira kenaikan harga dalam tempoh 1 tahun (sekiranya berlaku)

2.0 UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PIAWAIAN

- Semua kerja yang dilaksanakan termasuk kakitangan yang melaksanakan kerja, bahan dan peralatan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian daripada semua pihak berkuasa berkaitan seperti berikut :
 - i. Jabatan Alam Sekitar
 - ii. Pihak Berkuasa tempatan
 - iii. *Occupational Safety and Health Act 514:1994;*
 - iv. *Factories and Machinery Act 1967;*
 - v. *Occupational Safety and Health Act 514:1994;*
 - vi. *The latest Malaysian Standards and/or IEC Standards;*
 - vii. Spesifikasi Piawaian JKR;

- viii. Imigresen;
 - ix. Undang-undang dibawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Akta Maklumat Pekerjaan 1953 , Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta (Penggajian) Kanak-Kanak Dan Orang Muda 1966, Akta Standard Minimum Perumahan & Kemudahan Pekerja 1990, Akta Cuti Mingguan 1950, Akta Majlis Penetapan Gaji 1947, Akta Pampasan Pekerja 1952, Akta Kerja 1955 .
 - x. KWSP;
 - xi. SOCSO; dan
 - xii. Pegawai Penguasa UiTM.
-
- Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk penyerahan bagi semua permohonan yang berkaitan kepada pihak berkuasa bagi tujuan melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja di bawah kontrak ini.
 - Sebarang bayaran/denda yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

3.0 SKOP KERJA

Skop kerja bagi kontrak perkhidmatan ini adalah di Zon A (Pantai), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun . Sila rujuk pelan pembahagian kawasan Zon A (Pantai) di bahagian lampiran. Anggaran kasar keluasan kawasan Zon A adalah 150 ekar dan skop kerja adalah terbahagi kepada kategori seperti berikut:

- ✓ Membersih kawasan luar bangunan.
- ✓ Penyelenggaraan Landskap.
- ✓ Perkhidmatan Persiapan majlis
- ✓ Perkhidmatan mengikut keperluan (provisional sums).

4.0 TENAGA KERJA / KAKITANGAN YANG DITETAPKAN

Kontraktor dikehendaki mengambil pekerja yang layak dan jumlah bilangan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan kawasan luar bangunan dan penyelenggaraan landskap bagi memastikan keadaan kawasan luar bangunan dan landskap sentiasa berada dalam keadaan bersih, selamat dan menghasilkan persekitaran kerja yang selesa. Sebagai rujukan, jumlah cadangan bilangan pekerja minimum bagi kontrak ini adalah seramai **24 orang berdasarkan pengiraan 80% dari kajian anggaran jumlah jam bekerja sehari mengikut skop dan kekerapan kerja di ringkasan tawaran**. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor dinasihatkan untuk menyediakan bilangan pekerja yang mencukupi bagi mengelakkan kegagalan melaksanakan skop kerja yang ditetapkan. UiTM tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat penolakan dari segi kebersihan disebabkan kegagalan kontraktor menyediakan jumlah pekerja yang bersesuaian dengan kontrak ini.

Cadangan bilangan pekerja untuk melaksanakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut::

No.	Jawatan	Kontrak semasa	Cadangan Kontrak baharu
1.	Pengurus Projek/Penyelia	2	30 orang (Minima 24 orang @ 80% dari bilangan penuh)
3.	Pekerja Am / Landskap	22	
4.	Tukang Mesin Rumput	4	Tiada keperluan pekerja tetap
JUMLAH		28	24

Berikut merupakan rekod bilangan pekerja kontrak zon ini berdasarkan kontrak-kontrak terdahulu.

TEMPOH	BILANGAN PEKERJA	CATATAN
Jan 2012 hingga Disember 2015	43	Bilangan pekerja am termasuk tukang mesin rumput dan penyelia
Jan 2016 hingga Disember 2018	48	Bilangan pekerja am termasuk tukang mesin rumput dan penyelia
Jan 2019 hingga April 2022	39	Bilangan pekerja am termasuk tukang mesin rumput dan penyelia

Kontraktor hendaklah menyediakan tenaga kerja yang mahir atau berpengalaman untuk melaksanakan perkhidmatan ini.

Syarat-syarat penggunaan tenaga kerja adalah seperti berikut :

- Kontraktor digalakkan untuk membekalkan tenaga pekerja tempatan. Sekiranya menggunakan tenaga kerja asing, maka kontraktor mestilah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- Sekiranya tenaga kerja asing yang dibekalkan tidak mematuhi syarat-syarat berkenaan maka UiTM berhak untuk tidak membenarkan pekerja tersebut memasuki kawasan kampus UiTM ataupun menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan.
- Tenaga kerja yang diambil mestilah berumur antara 18 hingga 60 tahun. Sekiranya pekerja yang diambil melebihi 60 tahun, laporan kesihatan perlulah dikemukakan untuk kelulusan wakil P.P.
- Kontraktor juga dikehendaki menyediakan uniform pekerja yang secukupnya untuk dipakai semasa bertugas di dalam kampus UiTM. Spesifikasi uniform adalah seperti di Lampiran .
- Kontraktor hendaklah sentiasa peka terhadap prestasi dan disiplin pekerja serta bersedia untuk mengambil tindakan terhadap pekerja yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, tidak berdisiplin atau tidak memenuhi mana-mana syarat di atas.
- Pekerja kontraktor yang melanggar peraturan UiTM atau peraturan pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah diberhentikan dan diganti dengan pekerja baru dalam tempoh 1 minggu.
- Pekerja kontraktor juga dikehendaki memakai pas kerja yang dikeluarkan oleh pihak Polis Bantuan UiTM. Pihak Polis Bantuan UiTM berhak menarik semula pas berkenaan atas sebab kesalahan atau keselamatan yang bercanggah dengan peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh UiTM
- UiTM berhak membuat pemetongan/Penalti kepada pekerja yang tidak memakai pas pekerja, uniform, kasut dan tidak mengikut peraturan kerja yang ditetapkan di dalam kontrak ini.
- Semua kakitangan kontraktor mestilah sentiasa berada di tapak. Semua butiran kakitangan kontraktor mestilah dikemukakan kepada Pengawai Penguasa dalam masa seminggu sebelum bermula kontrak.
- Pekerja kontraktor tidak dibenarkan tinggal di dalam kawasan kampus.
- Semua pekerja- pekerja dikehendaki mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh Pengawai Penguasa atau wakilnya dari semasa ke semasa.

4.1 **Pengurus Projek**

✓ **Keperluan wajib**

Kontraktor yang berjaya perlu menyediakan 1 orang tenaga kerja professional yang memiliki sekurang-kurangnya sijil/diploma dalam bidang yang berkaitan berserta kenderaan dan akan bertanggungjawab menyelaras kesemua operasi tapak kerja yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM.

✓ **Syarat Wajib**

Pekerja mestilah mempunyai dokumen kerakyatan atau permit yang sah mengikut ketetapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen (IMIGRESEN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN) serta bebas dari rekod jenayah.

✓ **Kelayakan**

Memiliki sekurang-kurangnya Sijil/Diploma dalam bidang kejuteraan Awam/ Landskap / Hortikultur / Pertanian / Pengurusan Taman dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 2 tahun serta mempunyai lesen memandu B2, D yang sah.

✓ **Temuduga**

Semua proses pemilihan calon perlu dilakukan oleh pihak syarikat iaitu proses pengiklanan, senarai pendek dan perjalanan temuduga calon. Walaubagaimanapun panel temuduga dan pemilihan calon yang layak akan dibuat oleh pihak UiTM.

✓ **Kenderaan**

Kontraktor perlu menyediakan kenderaan bagi tujuan pemantauan atau pengangkutan kerja-kerja di tapak. Kenderaan motorsikal berkuasa minima 100cc dan Maksima 135cc atau setara dengannya yang dapat berfungsi sepenuh masa dan diselenggara dengan baik.

✓ **Skop Kerja**

Bertanggungjawab dalam merancang, mengatur, melaksanakan dan memantau secara lancar dan berkesan keseluruhan operasi dan pengurusan penyelenggaraan tapak serta fungsi-fungsi lain yang berkaitan di kawasan sekitarnya disamping bertanggungjawab secara langsung di dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap, perkhidmatan pencucian dan arahan pihak UiTM.

✓ **Tugas dan Tanggungjawab**

- Merancang dan menyediakan program serta peraturan kerja mengikut peraturan yang ditetapkan oleh UiTM bagi pengurusan penyelenggaraan tapak dan kemudahannya secara berkesan.
- Menguruskan semua peringkat kakitangan dan pekerja yang terlibat mengikut tempoh, jadual dan skop kerja mereka dan keperluan semasa.
- Secara berterusan memantau, menyelia, menilai pengurusan, operasi dan penyelenggaraan tapak dan sebagainya termasuk memberikan pandangan atau cadangan kepada UiTM sebagai usaha memperbaiki.
- Sentiasa berhubung dengan UiTM bagi memastikan tahap pengurusan kawasan adalah mengikut kehendak dan syarat-syarat UiTM.
- Menghadiri semua perjumpaan dan mesyuarat berhubung operasi dan penyelenggaraan kawasan yang dikelolakan oleh UiTM.
- Memberikan kerjasama dan membantu UiTM dalam penyediaan dan melaksanakan acara-acara khusus yang diatur oleh UiTM samada secara langsung atau tidak langsung melibatkan kawasan seliaan atau sekitarnya.
- Memastikan semua kakitangan dan pekerja mematuhi peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan apabila melakukan sebarang aktiviti dalam mana-mana tapak.
- Memajukan laporan bulanan serta tahunan dan laporan bergambar seperti yang dipersetujui di dalam kontrak serta lain-lain laporan yang diperlukan dari masa ke semasa.
- Menyediakan laporan kerja harian (site diary), kedatangan pekerja, pakaian dan peralatan dan lain-lain keperluan seperti pengesahan kerja dari pihak UiTM (melalui borang-borang yang digunakan).
- Memastikan semua peralatan dan jentera berada dalam keadaan baik, diselenggara dengan sempurna selepas digunakan dan juga disimpan di tempat yang ditetapkan dengan teratur dan kemas.
- Perlu sentiasa berada di tapak dan sentiasa bersedia menerima dan melaksanakan arahan dari masa ke semasa.
- Membantu dalam aktiviti dan program yang dijalankan di tapak dari masa ke semasa.
- Memastikan pekerja melaksanakan kerja sepertimana kaedah, objektif dan

jangkamasa yang betul. Mengagih dan mengatur pekerja pada setiap masa agar kerja dapat dimaksimakan walaupun tiada kerja di lapangan akibat cuaca dan sebagainya. Memastikan pekerja menggunakan peralatan dengan selamat dan cermat serta peralatan yang bersesuaian dan mencukupi.

- Memastikan operasi penjagaan tapak dan penyelenggaraan harian berjalan secara lancar dengan aduan yang minima.
- Memastikan semua kakitangan dan pekerja mematuhi dan memenuhi standard yang telah ditetapkan dalam key performance index (KPI) dan dipersetujui oleh pihak UiTM.
- Memeriksa dan mengawasi alat-alat ganti agar sentiasa mencukupi bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan kecil.
- Memeriksa dan mengawasi alat-alat ganti agar sentiasa mencukupi serta kerja-kerja pembaikan kerosakan kecil.
- Memeriksa dan mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan pengguna yang dilaporkan atau diarahkan oleh pihak UiTM.
- Menyedia dan mengawal belanjawan dan perbelanjaan mengikut keperluan kontrak dan syarat-syarat yang dipersetujui.
- Memastikan semua peralatan, bahan serta lain perkakasan disimpan dengan teratur dan bersih.
- Memantau aset-aset UiTM dalam kawasan selenggaraan dan melaporkan jika berlaku kemalangan, kehilangan atau kerosakan.
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan mengikut arahan pihak UiTM dari masa ke semasa.

4.2 **Penyelia**

✓ **Skop Kerja**

Memantau kerja pekerja syarikat mengikut jadual yang telah dirancang oleh Pengurus Projek. Menyelaras dan memastikan semua pekerja melakukan kerja mengikut kekerapan dan spesifikasi yang betul.

✓ **Syarat Wajib**

Pekerja mestilah mempunyai dokumen kerakyatan atau permit kerja yang sah mengikut ketetapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen (IMIGRESEN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

(KDN) serta bebas dari rekod jenayah.

✓ **Kelayakan**

Penyelia haruslah berpengalaman dan mampu untuk mengawal pekerja bawahan.

4.2 **Pemotong Rumput**

✓ **Skop Kerja**

Melakukan kerja-kerja pemotongan rumput secara berkala mengikut spesifikasi dan jadual perancangan kerja yang telah ditetapkan.

✓ **Syarat Wajib**

Pekerja mestilah mempunyai dokumen kerakyatan atau permit yang sah mengikut ketetapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen (IMIGRESEN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN) serta bebas dari rekod jenayah.

✓ **Kelayakan**

Pemotong rumput perlu mempunyai kebolehan untuk memotong rumput di sekitar kawasan kampus UiTM terutamanya kawasan yang mempunyai lereng curam secara konsisten.

4.3 **Pekerja Am/ Landskap**

✓ **Skop Kerja**

Melakukan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala mengikut jadual perancangan kerja yang telah ditetapkan.

✓ **Syarat Wajib**

Pekerja mestilah mempunyai dokumen kerakyatan atau permit yang sah mengikut ketetapan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen (IMIGRESEN), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN) serta bebas dari rekod jenayah.

✓ **Kelayakan**

Berumur 18 hingga 60 tahun dan memiliki tahap kesihatan yang baik dan bebas dari sebarang penyakit berbahaya serta mempunyai komitmen yang tinggi, proaktif dan semangat berpasukan dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

5.0 PERANCANGAN DAN KEMAJUAN KERJA

- Jadual Perancangan Kerja bagi kerja-kerja berkala selain kerja harian hendaklah disediakan oleh kontraktor dan dipersetujui oleh Pengurus Projek UiTM dalam tempoh 2 minggu selepas kontrak bermula. Sebarang ketakakuran berlaku kepada jadual perancangan boleh dikenakan caj berdasarkan klausa kontrak perjanjian. Sekiranya berlaku perubahan jadual perancangan disebabkan oleh faktor pihak ketiga ianya perlu dimaklumkan dan dipersetujui oleh Wakil P.P.
- Bagi kerja berdasarkan arahan kerja (work order) semasa, notis hendaklah dikeluarkan oleh PP dalam tempoh 24 jam bagi kerja-kerja biasa. Bagi kerja yang memerlukan penyediaan peralatan khusus, PP hendaklah memberikan tempoh yang

6.0 PENGURANGAN SKOP KERJA DAN PEMOTONGAN BAYARAN

- Sekiranya ada keperluan skop yang perlu dikurangkan atas faktor keperluan semasa UiTM, notis arahan pengurangan skop atau kuantiti kerja hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 7 hari oleh Pengawai Penguasa. Bagi maksud tersebut, nilai kerja yang dikurangkan tidak akan dibayar dan dikira sebagai kerja tidak dibayar dan **bukan sebagai denda/ penalti.**
- Bagi kerja yang tidak dilaksanakan disebabkan oleh kegagalan kontraktor, nilai kerja tersebut tidak akan dibayar dan dikira sebagai **denda/ penalti yang akan menjejaskan penilaian prestasi kontraktor.**

7.0 TATACARA KERJA

- Kontraktor hendaklah sentiasa bersedia untuk melakukan kerja-kerja/persiapan sesuatu program atau majlis yang melibatkan UiTM (seperti contoh konvokesyen) di luar waktu pejabat sekiranya mendapat arahan dari P.P.
- Syarikat perlu menyediakan laporan bulanan keadaan atau masalah yang dihadapi di tapak pada setiap bulan.
- Kontraktor hendaklah bertanggungjawab ke atas harta benda pengguna dari kerosakan semasa melakukan kerja pembersihan dilakukan.
- Kontraktor hendaklah mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan oleh UiTM.
- Sekiranya menjumpai barang-barang berharga, kontraktor hendaklah menyerahkannya kepada Pegawai Keselamatan/P.P.
- Kontraktor diingatkan bahawa UiTM berhak membuat pemotongan bayaran sekiranya kerja-kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi kerja atau tidak memuaskan pelanggan atau P.P.
- Semua kerja ke atas kelengkapan dan peralatan hendaklah dilaksanakan oleh kakitangan yang mahir/separuh mahir dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- Kontraktor hendaklah sentiasa memantau dan mengambil tindakan pembetulan dan tindakan pembaikan segera bagi mengelakkan kemungkinan bahaya kebakaran.
- Sekiranya kerja-kerja kontraktor terganggu semasa waktu pejabat disebabkan penggunaan ruang, kerja tersebut hendaklah dilakukan selepas waktu pejabat. Tiada sebarang tuntutan boleh dibuat kepada UiTM di atas sebab-sebab tersebut. Kontraktor hendaklah menjangkakan sebarang kerja yang terpaksa dilaksanakan di luar waktu pejabat. Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada P.P. terlebih dahulu.

- Apabila P.P membuat pemeriksaan operasi kontraktor, kontraktor hendaklah membantu dan bekerjasama serta mengemukakan apa-apa dokumen sekiranya diminta oleh wakil P.P.
- Kontraktor perlu sentiasa bersedia untuk menerima arahan kerja dari P.P. samada dalam/luar waktu pejabat untuk menjayakan sesuatu program/majlis rasmi.
- Kerja-kerja yang diarahkan berkemungkinan telah dirancang ataupun tidak dirancang (*urgent*).
- Kontraktor hendaklah sentiasa boleh dihubungi dan maklumbalas dengan segera bila diperlukan selepas waktu pejabat. Kakitangan kontraktor hendaklah bersedia sekiranya perlu bekerja lebih masa semasa majlis rasmi UiTM atau program khas.
- Kontraktor hendaklah menyediakan **FINGER PRINT ATTENDANCE MACHINE** bagi tujuan rekod kehadiran pekerja dan laporan kehadiran bulanan **WAJIB** dihantar kepada UiTM setiap bulan.
- Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam seperti contoh yang ditetapkan dalam dokumen tawaran. Kegagalan memakai pakaian seragam boleh diambil tindakan.
- Staf kontraktor hendaklah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang sesuai untuk melaksanakan kerja dengan selamat dan profesional.
- Penyelia dikehendaki sentiasa berada di dalam kawasan UiTM pada waktu bekerja dan memantau pergerakan kakitangannya, penyelia hendaklah sentiasa memberikan maklumbalas dan berbincang dengan pihak UiTM tentang sebarang permasalahan yang timbul

7.0 WAKTU BEKERJA

- Waktu bekerja yang ditetapkan adalah seperti berikut :

Bil	Hari	Masa
1	Ahad hingga Khamis	8.00-5.00
2	Jumaat dan Sabtu	Cuti

- Walaubagaimanapun, kontraktor juga dikehendaki sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan aduan kecemasan dan kerja segera pada bila-bila masa diperlukan.

8.0 LAPORAN BULANAN DAN REKOD

- Syarikat perlu menyediakan laporan bulanan bergambar dan berwarna serta dibinding. Laporan hendaklah ditandatangani oleh kontraktor dan wakil Pengawai Penguasa
- Syarikat perlu menyediakan fingerprint attendance machine
- Laporan bulanan perlu mengandungi perkara berikut:
 - Salinan kehadiran pekerja (Finger Print Attendance Report)
 - Jadual perancangan kerja
 - Jadual kerja dilaksanakan sebenar di tapak
 - Laporan aktiviti kerja bergambar hendaklah dinyatakan tarikh dan aktiviti yang dilaksanakan. Laporan ini termasuk kerja harian, kerja berkala dan kerja-kerja Provisional Sum
 - Rekod bayaran caruman KWSP
 - Format laporan yang disediakan hendaklah mendapat kelulusan Wakil Pengawai Penguasa
- Kegagalan syarikat menyediakan laporan bulanan yang lengkap seperti diatas boleh menjejaskan prestasi bulanan syarikat.

9.0 PERALATAN DAN KELENGKAPAN

- Peralatan yang **disyorkan** untuk melaksanakan perkhidmatan ini terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:

Bil	Kategori	Peralatan	Jumlah
1	Kenderaan	Motorsikal Roda 3	1 Unit
		Motosikal Penyelia	1 Unit
2	Peralatan kerja & Mesin	Penyapu dan penyodok	Mengikut keperluan
		Blower	Mengikut keperluan
		Penyodok Longkang	Mengikut keperluan
		Perejang (Chop)	Mengikut keperluan
		Pengikis (Scraper)	Mengikut keperluan
		Mesin Rumput Sandang	Mengikut keperluan
		Wet and Dry Vacuum	Mengikut keperluan
		Portable Waterjet Machine (Enjin Petrol)	Mengikut keperluan

3.	Pemangkasan/ Cantasan	Mesin Gergaji Berantai Besar $\geq 18''$	Mengikut keperluan
		Mesin Gergaji Berantai Kecil $\leq 14''$	Mengikut keperluan
		Telescopic Chain Saw	Mengikut keperluan
		Mesin Hedge Trimmer 18''	Mengikut keperluan
		Folding Saw	Mengikut keperluan
		Pruning Shears Garden Scissors	Mengikut keperluan
		Telescopic High Pruning Branch Shears	Mengikut keperluan
		Parang	Mengikut keperluan
		Looper	Mengikut keperluan
		Tangga	Mengikut keperluan
		Choop	Mengikut keperluan

4.	Penyiraman	Getah Penyiraman – Heavy duty termasuk hose reel dan nozzle	Mengikut keperluan
		Sprinkler dan aksesori	Mengikut keperluan
5.	Merumput & Menggembur Tanah	Garden Hand Fork	Mengikut keperluan
		Garden Hand Shovel	Mengikut keperluan
		Garden Hand Trowel	Mengikut keperluan
		Cangkul	Mengikut keperluan

- Semua peralatan yang akan digunakan sepanjang tempoh kontrak seperti dinyatakan di atas adalah dibawah tanggungjawab kontraktor dan hendaklah diselenggara secara berkala bagi memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan. Semua peralatan yang digunakan juga perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- Jika berlaku kerosakan ke atas peralatan-peralatan ini, kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan gantian dengan kadar segera supaya tidak menjejaskan perkhidmatan yang diberikan.
- Semua kenderaan perlu mempunyai insurans, cukai jalan yang sah dan masih berkuatkuasa sepanjang tempoh kontrak.